

Tingkat kebolehpasaran graduan

UiTM, McDonald's Malaysia jalin kerjasama meterai MoU melalui program perantis

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
SHAH ALAM

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan McDonald's Malaysia pada Jumaat memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Program Perantis McDonald's.

Program perantis itu merangkumi tiga inisiatif iaitu Management Apprentice Programme (MAP), Graduate Employability Programme

(GEP) dan Internship Programme (IP) yang bermatlamat menyediakan peluang kerjaya untuk pelajar daripada pelbagai latar belakang termasuk B40 dan berkeperluan khas.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor berkata, UiTM sebagai institusi pengajian terbesar di Malaysia sentiasa bekerjasama dan mengambil pendekatan proaktif dengan pihak industri dalam memaksimumkan inisiatif kebolehpasaran graduan.

"Program perantis ini amat selari dengan agenda terkini UiTM bagi memperkukuhkan inisiatif kebolehpasaran graduan agar senada dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2015 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Visinya adalah ke arah melahirkan graduan holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global," katanya pada majlis pelancaran program perantis yang disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian



Roziah bertukar dokumen dengan Azmir sambil disaksikan Ahmad Masrizal (belakang tengah) selepas memeterai MoU Program Perantis McDonald's di Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam pada Jumaat.

Tinggi, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad di Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam.

Ahmad Masrizal turut menyaksikan pemeteraian kerjasama itu antara UiTM yang diwakili Roziah dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Profesor Dr Mohamad Hariri

Abdullah manakala McDonald's Malaysia diwakili Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, Datuk Azmir Jaafar dan Pengarah Kanan Undang-Undang dan Francais, Hilmy Sulaiman.

Sementara itu, Azmir berkata, untuk menggalakkan kebolehpasaran belia dan graduan,

McDonald's turut menawarkan beberapa program pekerjaan seperti Program Perantisan Vokasional McDonald's di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) selain MAP, GEP dan IP.

Kata beliau, sehingga 2021, McDonald's Malaysia telah melatih lebih 900 graduan kolej dan universiti yang kini sedang bekerja dalam industri hospitaliti.

"Ini adalah MoU terbesar yang kita tandatangani memandangkan UiTM mempunyai seramai 180,000 pelajar di 34 kampusnya seluruh negara manakala McDonald's memiliki 330 restorannya seluruh Malaysia.

"Kami menyasar menyediakan kira-kira 50,000 peluang pekerjaan baharu menjelang 2026 seiring dengan sasaran membuka sebanyak 250 restoran baharu dalam masa tiga tahun akan datang dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.5 bilion," ujarnya.